

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

BMT 464/3 : MIKROBIOLOGI PATOGEN

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BMT 464/3)

1. Berikan takrifan antibiotik. Bincangkan tentang pengkelasan antibiotik dengan lengkap. Berikan satu contoh antibiotik yang sesuai untuk setiap kumpulannya.

(20 markah)

2. (a) Huraikan tentang kepentingan melakukan diagnosis makmal ke atas sampel yang diambil daripada pesakit.

(5 markah)

- (b) Huraikan jenis-jenis medium yang boleh digunakan untuk memencil dan mencamkan bakteria dan kulat.

(10 markah)

- (c) Huraikan kepentingan melakukan pemeriksaan langsung ke atas spesimen klinik, sebaik sahaja ia tiba di makmal diagnosis.

(5 markah)

3. Huraikan kesan-kesan virus terhadap sel. Bincangkan bagaimana kesan yang terhasil boleh digunakan untuk diagnosis.

(20 markah)

(BMT 464/3)

4. Jelaskan konsep-konsep berikut:

- (a) Kapatogenan seimbang.
- (b) Penyebaran mikroorganisma secara mengufuk.
- (c) Penyebaran mikroorganisma secara menegak.
- (d) Kevirulenan mikroorganisma.

(20 markah)

5. Bincangkan dengan jelasnya urutan peristiwa yang berlaku apabila lapisan epitelium dicerobohi oleh bakteria.

(20 markah)

6. Bincangkan penyakit jangkitan kulat pada manusia, dengan mengkhususkan kepada:

- (a) penyakit kutan
- (b) penyakit subkutan
- (c) penyakit sistemik

(20 markah)

